



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

BIL.59/ 2018

### **URUSAN PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DUN N.49 SUNGAI KANDIS, SELANGOR**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada **Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Yang Berhormat Tuan Ng Suee Lim** pada **3 Julai 2018** berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi **Dewan Undangan Negeri (DUN) N.49 Sungai Kandis** berikutan kematian penyandanginya **Yang Berhormat Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei** yang telah meninggal dunia pada 2 Julai 2018.

2. Sehubungan dengan itu, SPR telah mengadakan Mesyuarat Khas pada hari ini dan menetapkan bahawa satu Pilihan Raya Kecil (PRK) perlu diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan mulai pada **3 Julai 2018** untuk mengisi kekosongan di kerusi DUN berkenaan. Bagi maksud menjalankan PRK ini, SPR telah menetapkan tarikh-tarikh seperti yang berikut:

<b>TARIKH KELUAR WRIT</b>	:	<b>9 JULAI 2018 (ISNIN)</b>
<b>HARI PENAMAAN CALON</b>	:	<b>21 JULAI 2018 (SABTU)</b>
<b>HARI MENGUNDI</b>	:	<b>4 OGOS 2018 (SABTU)</b>

3. Tempoh berkempen yang ditetapkan adalah **14 hari**, bermula pada hari Penamaan Calon sehingga pukul **11.59 malam, 3 OGOS 2018**.

